



**Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif**

**Strategi Pengurusan Penawaran Perabot Rotan Milik  
Syarikat Zakaria di Kampung Gelang Mas, Kelantan**

**Nur Fazira Binti Mohamed Zapalli**

**(53174)**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan  
dan Kreatif dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2018**

**STRATEGI PENGURUSAN PENAWARAN PERABOT ROTAN MILIK SYARIKAT  
ZAKARIA DI KAMPUNG GELANG MAS, KELANTAN**

NUR FAZIRA BINTI MOHAMED ZAPALLI

53174

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: 2017/2018

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the MONDAY day of 28.5. 2018.

Student's Declaration:

I NUR FAZIRA BINTI MOHAMED ZAPALLI, 53174, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled STRATEGI PENGURUSAN PENAWARAN PERABOT ROTAN MILIK SYARIKAT ZAKARIA DI GELANG MAS, KELANTAN is my original work. I have not copied from any student's work or any other sources except where due reference or acknowledge is made explicitly in the next, nor has any part been written for me by another person.

30 MAY 2018

Date submitted

Nur Fazira Binti Mohamed Zapalli (53174)

Supervisor's Declaration:

I DR QISTINA DONNA LEE ABDULLAH hereby certifies that the work entitled STRATEGI PENGURUSAN PENAWARAN PERABOT ROTAN MILIK SYARIKAT ZAKARIA DI GELANG MAS, KELANTAN was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial / full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONORS (ARTS MANAGEMENT), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

Dr Qistina Donna Lee Abdullah



Date: 30 May 2018

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

  
  

**CONFIDENTIAL**  
**RESTRICTED**  
**OPEN ACCESS**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
(Contains restricted information as specified by the organization where  
research was done)\*

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follow:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's Signature:



Supervisor's signature:



Current Address:

KAMPUNG GONG DATOK,  
16800 PASIR PUTEH,  
KELANTAN.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGAKUAN**

Penyelidikan yang bertajuk **Strategi Pengurusan Penawaran Perabot Rotan Milik Syarikat Zakaria di Gelang Mas, Kelantan** telah disediakan oleh **Nur Fazira Binti Mohamed Zapalli** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Dr Qistina Donna Lee Abdullah)

Tarikh:

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya, **Nur Fazira Binti Mohamed Zapalli** mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk **“Strategi Pengurusan Penawaran Perabot Rotan Milik Syarikat Zakaria di Gelang Mas, Kelantan”** ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya telah nyatakannya.

.....

.....

Tarikh

(NUR FAZIRA BINTI MOHAMED ZAPALLI)

No.Matrik : 53174

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Illahi dengan izinnya dan limpah kurnia-Nya telah memberi saya peluang untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir saya dengan begitu sempurna dalam memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian bagi Program Pengurusan Seni.

Penghargaan juga turut ditujukan kepada ibu bapa saya yang saya cintai, Encik Mohamed Zapalli Bin Jusoh dan Puan Zainab Binti Mamat. Tidak lupa juga kepada adik beradik saya yang seringkali membantu dari segi sokongan moral dan juga memberi sedikit sebanyak bantuan kewangan sepanjang proses kajian dilakukan. Dengan iringan doa yang telah menjadi pendorong kepada saya dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Tidak lupa juga setinggi ucapan penghargaan kepada Penyelia Projek Tahun Akhir saya yang saya sanjungi iaitu Dr Qistina Donna Lee Abdullah di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak terkira sehingga saya berjaya menyiapkan projek ini dengan baik. Di kesempatan itu juga, sekalung penghargaan kepada rakan-rakan saya turut membantu menyiapkan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujuhan kepada pemilik dan perkerja Syarikat Perabot Rotan Milik Zakaria di Kampung Gelang Mas, Kelantan khususnya kepada Encik Zakaria Bin Senik iaitu pengurus besar syarikat ini atas kerjasama yang diberikan dan serta segala informasi yang diberikan untuk menyiapkan tugas projek ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak tuan. Untuk akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tugasa Projek Tahun Akhir ini.

## **ABSTRAK**

Kajian ini merujuk kepada Strategi Pengurusan Penawaran Perabot Rotan Milik Syarikat Zakaria di kampung Gelang Mas, Kelantan dengan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh syarikat disamping mengkaji strategi yang telah ada dan memberi cadangan untuk memperbaharui dan meningkatkan pengeluaran perabot rotan dalam memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan. Selain itu, objektif kajian yang ditetapkan adalah bagi melihat aspek-aspek yang berkenaan dengan Pengurusan Penawaran Perabot Rotan Milik Syarikat Zakaria. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana kaedah ini adalah berbentuk temubual untuk menganalisa data-data mengenai pengurusan penawaran dalam syarikat ini dalam memenuhi kehendak pelanggan.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Definisi Strategi	2
1.1.2 Definisi Pengurusan	2
1.1.3 Definisi Penawaran	3
1.1.4 Seni Kraftangan Di Malaysia	3-4
1.1.5 Seni Pembuatan Perabot Rotan	4-5
1.2 Skop Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7-8
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Kesimpulan	9
 <b>BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
2.0 Sorotan Kesusasteraan	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Negeri Kelantang	11
2.3 Sejarah Organisasi	12-13
2.4 Kampung Gelang Mas	14
2.5 Seni Kraftangan Berasaskan Rotan	15
2.6 Industri Perabot	15-17

2.7 Perabot Rotan	18-19
2.8 Definisi Seni	20
2.9 Seni Pembuatan	21-22
2.10 Pengurusan	23-26
2.11 Permintaan dan Penawaran Bahan Mentah dan Pelanggan	26
2.12 Penawaran Bahan Mentah dan Pelanggan	26
2.13 Strategi	27
2.14 Strategi Pengurusan	28-29
2.15 Penawaran	29
2.16 Kesimpulan	30

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.0 Metodologi	31
3.1 Pengenalan	31
3.1.1 Kaedah Kualitatif	31-32
3.1.2 Kaedah Kuantitatif	32
3.1.3 Data Primer	32
3.1.4 Data Sekunder	32-33
3.2 Lokasi Kajian	33-34
3.3 Populasi	34-35
3.4 Persampelan	35-36
3.5 Instrumen Kajian	36-37
3.6 Kesimpulan	38

### **BAB 4 DAPATAN DAN ANALISA KAJIAN**

4.0 Dapatan dan Analisa Kajian	39
4.1 Pengenalan	39

4.2 Responden Kajian	40
4.3 Analisa Data	40
4.3.1 Temuramah	40-41
4.3.2 Pengenalpastian Cara-Cara Memupuk Minat Golongan Muda	41
4.3.2.1 Faktor Motivasi Para Belia Dari Segi Sosial, Ekonomi Dan Budaya Tentang Seni Pembuatan Perabot Rotan	41-42
4.3.2.2 Pemupukan Minat Golongan Muda Terhadap Seni Pembuatan Perabot Rotan	42-43
4.3.3 Pengkajian Faktor Penawaran Terhadap Perabot Rotan	43
4.3.3.1 Tahap Permintaan Masyarakat Dalam Dan Luar Negeri	43
4.3.3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Kurang Penawaran Terhadap Perabot Rotan	44-45
4.3.4 Strategi Untuk Meningkatkan Pengeluaran Perabot Rotan	46
4.3.4.1 Strategi Yanga Digunakan Oleh Syarikat Dalam Meningkatkan Pengeluaran Perabot Rotan	46
4.3.4.2 Strategi Lain Meningkatkan Pengeluaran Perabot Rotan	47
4.4 Pemerhatian	48
4.4.1 Kunjungan Pelanggan	48
4.4.2 Bahan Mentah Dan Teknologi	48
4.4.3 Produk Yang Dihasilkan	48
4.5 Kesimpulan	53-54

## BAB 5 DISKUSI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Diskusi, Cadangan dan Kesimpulan	55
5.1 Pengenalan	55
5.2 Diskusi	55
5.2.1 Cara Memupuk Minat Golongan Muda	56

5.2.2 Faktor Penawaran Perabot Rotan	57
5.2.3 Strategi Pengeluaran Perabot Rotan	57-58
5.2.4 Permasalahan Kajian	58
5.3 Cadangan	59
5.3.1 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	59
5.3.2 Cadangan Kepada Organisasi	59
5.3.3 Cadangan Kepada Pihak Kraftangan Malaysia	60
5.3.4 Cadangan Kepada Golongan Muda	60
5.4 Kesimpulan	61-62
Rujukan	63-65
Lampiran	66

## **SENARAI GAMBAR**

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
Gambar 1 : Peta Lokasi Kajian	34
Gambar 2 : Bahan Mentah Yang Disimpan	50
Gambar 3 : Produk Yang Dihasilkan	50
Gambar 4 : Teknologi/Mesin Yang Digunakan	51
Gambar 5 : Kunjungan Pelanggan Ke Syarikat Perabot Rotan Zakaria	52

## **SENARAI RAJAH**

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 1 : Carta Organisasi Syarikat Perabot Rotan Zakaria	36
Rajah 2 : Adaptasi Daripada Buku Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Oleh Chua Yan Piaw	37

## **BAB 1**

### **1.0 PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Bahagian ini menjelaskan berkaitan perkara yang terkandung dalam penyelidikan yang akan dikaji oleh penyelidik. Selain itu, penyelidik akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang tajuk yang dikaji.

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan sumber semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan sebagai contoh pokok rotan. Menurut (Razak W. H., 1989) rotan merupakan satu bahan yang sangat mengagumkan kerana memiliki ciri-ciri yang tersendiri terutama dari segi fizikal seperti kekuatan, ketahanan, keanjalan dan kepelbagaiannya dari segi kegunaan sebagai barang siap. Produk dan barang yang dihasilkan daripada rotan mempunyai pasaran yang sangat baik serta dapat memberi pulangan yang lumayan kepada si pembuat terutama sekali jika reka bentuknya yang menarik dan mutunya yang terkawal. Malaysia merupakan negara yang amat bertuah kerana kaya dengan sumber hasil hutan seperti rotan ini. Oleh hal demikian perabot rotan banyak mendapat sambutan daripada pengguna kerana ia merupakan produk yang unik yang berasaskan rotan. Di negeri Kelantan khususnya merupakan negeri yang terkenal dengan kraftangan rotan. Oleh hal demikian, Penyelidik akan mengkaji tentang kajian yang berkaitan dengan strategi pengurusan penawaran seni pembuatan perabot rotan milik Syarikat Zakaria di Gelang Mas, Kelantan.

### **1.1.1 Definisi Strategi**

Strategi dalam sesebuah organisasi atau syarikat adalah salah satu perkara yang sangat penting dalam menjadikan objektif syarikat tercapai. Setiap organisasi mempunyai strategi yang berbeza dalam mengurus, mempromosi dan menawarkan produk atau barang yang ingin di komersialkan. Strategi bukan sahaja tertumpu kepada organisasi yang menjual produk atau barang malah ia juga digunakan oleh semua manusia untuk mencapai objektif tersendiri.

Menurut (Andrew dan Chritensen, 1952) di dalam buku Strategi oleh Cyntia dan Micheal strategi merupakan penyatuan idea yang menghubungkan kawasan yang berfungsi dalam sesebuah syarikat dan mempunyai kaitan dalam setiap kegiatan yang dilakukan dengan persekitaran luaran. Dalam hal ini, mereka merumuskan dalam pendekatan strategi telah melibatkan penyesuaian kekuatan dan kelemahan syarikat atau organisasi dan peluang serta ancaman yang dibentangkan oleh persekitaran.

### **1.1.2 Definisi Pengurusan**

Pengurusan adalah aspek yang sangat penting dan perlu dititikberatkan dengan sebaik mungkin dalam menjadikan sesebuah organisasi untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pengurusan merupakan aspek yang sangat meluas dari pelbagai skop. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji aspek pengurusan penawaran terhadap perabot rotan. Pengurusan dalam sesebuah organisasi kebiasaannya mempunyai strategi pengurusan yang tersendiri. Oleh hal demikian setiap organisasi perlulah mempunyai pengurusan yang strategik dalam mencapai objektif dan tujuan.

Definisi pengurusan dalam pertukaran abad ialah menurut Steers (1985)

“Pengurusan sebagai satu proses merancang, menganjur, memimpin dan mengawal aktiviti-aktiviti pekerja selaras dengan sumber yang ada untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan”(Steers,1985)

### **1.1.3 Definisi Penawaran**

Menurut Hanafie (2010), dalam ilmu ekonomi penawaran (supply) merupakan jumlah sesuatu barang atau produk yang ingin dijual atau ditawarkan kepada pelanggan dengan pelbagai kemungkinan harga mengikut jangka masa yang tertentu. Penawaran menunjukkan jumlah barang atau produk dalam kadar maksimum yang ingin dijual mengikut tingkat harga yang minimum yang masih dapat mendorong peniaga atau penjual menawarkan pelbagai jumlah harga sesuatu barang yang ditawarkan kepada pelanggan.

Melalui definisi tersebut ia dapat dirumuskan bahawa penawaran akan berlaku dalam setiap organisasi yang mengeluarkan sesuatu produk atau barang. Hal ini demikian kerana ia berlaku apabila wujudnya pengeluaran barang atau produk yang dihasilkan bagi tujuan jualan atau pengkomersialan. Penawaran ini juga berlaku untuk tujuan jualan jumlah barang dalam kadar maksimum mengikut tingkat harga yang minimum. Oleh hal demikian, penawaran akan berlaku pada setiap organisasi yang menghasilkan produk untuk tujuan jualan dan pengkomersialan di samping memenuhi permintaan pelanggan.

### **1.1.4 Seni Kraftangan Di Malaysia**

Malaysia merupakan negara yang sangat popular dengan seni kraftangan. Dalam hal ini, kraftangan yang terdapat di negara ini antaranya ialah seni kraftangan yang berasaskan daripada logam, tekstil dan tenunan, tumbuh-tumbuhan dan juga tanah dan batu. Kraftangan

berasaskan logam adalah sebagai contoh barang tembaga, dulang, keris, dan cucuk sanggul. Manakala kraftangan berasaskan tekstil dan tenunan pula adalah songket, batik dan pua. Kraftangan berasaskan tumbuh-tumbuhan pula adalah seperti anyaman tikar, bakul rotan dan juga perabot rotan. Seterusnya adalah kraftangan berasaskan tanah dan batu adalah labu saying, pasu Sarawak dan periuk tanah.

Kesemua kraftangan ini amat terkenal pada masa dahulu dan ia masih lagi dikenali hingga ke hari ini. Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji, kraftangan berasaskan tumbuh-tumbuhan telah dipilih untuk dijadikan kajian dimana lebih berfokus kepada tumbuhan seperti rotan. Kraftangan berasaskan rotan dalam kajian pengkaji adalah berkaitan dengan seni pembuatan perabot rotan dimana seni ini masih mendapat tempat dihati pengguna kerana kehalusan dan keunikan terhadap reka bentuk nya.

### **1.1.5 Seni Pembuatan Perabot Rotan**

Hari ini masih lagi terdapat permintaan yang besar terhadap produk rotan. Rotan adalah tumbuhan yang paling terkenal dengan batang atau tongkat berkayu yang serba boleh yang digunakan dalam industri tradisional di kebanyakan bahagian Asia untuk pengeluaran bakul, perhiasan dan perabot.

Seni pembuatan peabot rotan merupakan barang yang dari rotan yang mempunyai pasaran yang baik kepada individu dan negara. Pulangan yang lumayan akan diperoleh hasil daripada reka bentuknya yang menarik, mutunya terkawal dan harganya yang berpatutan. Seperti yang kita tahu perabot rotan merupakan produk yang dihasilkan menggunakan rotan yang dijadikan sebagai barang atau perabot yang mampu memukau mata manusia. Hal ini demikian kerana, perabot rotan mempunyai estetikanya yang tersendiri dimana ia merupakan barang

hasil buatan manusia yang unik. Ini secara tidak langsung dapat menjadikan perabot rotan salah satu barang yang mampu menjana pendapatan individu dan juga negara.

Seni pembuatan perabot rotan sehingga kini masih lagi menjadi kegilaan ramai pihak dimana ia disebabkan oleh daya tahannya yang mampu bertahan lama. Hal ini demikian kerana, perabot rotan dihasilkan dengan cara yang sangat baik dimana ia diproses sebaik mungkin sebelum dijadikan perabot. Proses tenunan perabot ini dihasilkan menggunakan kehalusan tangan dan ia memerlukan tingkat kesabaran yang amat tinggi kerana mengambil masa yang agak lama dalam menghasilkan sesebuah produk. Ketekunan dan kerajinan amat diperlukan dalam menghasilkan perabot rotan ini. Kemahiran yang ada pada si pembuat menyebabkan hasil yang diperoleh amat baik dari segi kualiti dan ketahanannya.

## **1.2 SKOP KAJIAN**

Pengkaji telah memilih Syarikat Perabot Rotan Zakaria di Gelang Mas, Kelantan sebagai tempat untuk penyelidikan. Antara skop kajian yang utama adalah ingin mengkaji strategi pengurusan penawaran seni pembuatan perabot rotan milik syarikat ini dalam memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan terhadap produk-produk berasaskan buluh yang dihasilkan terutamanya perabot rotan.

## **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan adalah bagi mengenalpasti isu yang berlaku pada masa kini dan masalah yang timbul berkenaan dengan golongan muda yang kurang berminat menceburkan diri dalam bidang seni pembuatan perabot rotan dan kekurangan bahan mentah . Kekurangan tenaga mahir dipengaruhi oleh kurangnya minat golongan muda untuk terlibat dan mempelajari seni

pembuatan ini. Hal ini adalah dinyatakan oleh Mariam Binti Ibrahim iaitu isteri kepada Zakaria Bin Senik, Pengurus Syarikat Perabot Rotan Zakaria. (Perbualan melalui Telefon pada 27 September 2017).

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah matlamat kepada kajian yang akan dilakukan. Antara objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji adalah

1. Mengenalpasti cara-cara untuk memupuk minat golongan muda terhadap seni pembuatan perabot rotan.
2. Mengkaji faktor-faktor kurangnya penawaran terhadap perabot rotan.
3. Mencadangkan strategi-strategi yang perlu diambil untuk meningkatkan pengeluaran perabot rotan.

#### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah cara-cara untuk memupuk minat golongan muda terhadap seni pembuatan perabot rotan?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kurangnya penawaran terhadap perabot rotan?
3. Bagaimana strategi-strategi yang perlu diambil untuk meningkatkan pengeluaran perabot rotan?

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Strategi pengurusan amatlah penting dalam sesebuah organisasi mahupun kecil ataupun besar.

Hal ini demikian kerana, setiap organisasi perlu mencapai objektif yang ditetapkan mengikut strategi pengurusan yang dilakukan. Oleh hal demikian kajian yang dibuat oleh pengkaji tentang penyelidikan strategi pengurusan penawaran amat berguna bagi tujuan memenuhi permintaan pelanggan terhadap perabot rotan dan meningkatkan hasil jualan dengan baik kepada organisasi. Berikut adalah kepentingan-kepentingan kajian :

1. Kepentingan kepada organisasi Syarikat Perabot Rotan Zakaria

Penyelidikan berkaitan pengurusan penawaran perabot rotan akan membantu syarikat ini dalam mengekalkan penawaran perabot rotan kepada pelanggan yang sedia ada dan juga memperkembangkan penawaran perabot rotan ke peringkat yang lebih meluas.

2. Kepentingan terhadap golongan muda dan masyarakat

Dalam penyelidikan yang dilakukan ini, generasi muda dan masyarakat kini akan menyedari bahawa industri seni ini terutama dalam pembuatan perabot rotan adalah perkara yang sangat membantu mereka untuk menjana pendapatan yang lumayan.

3. Kepentingan kepada industri kreatif dan asas tani

Dari sudut industri kreatif, produk kraftangan yang berasaskan rotan adalah merupakan produk yang boleh menjana pendapatan individu dan negara. Oleh hal demikian ia harus dikekalkan untuk kepentingan ekonomi negara.

#### 4. Kepentingan kepada pengkaji akan datang

Apabila wujudnya kajian dan dokumentasi kajian strategi pengurusan penawaran ini, ia dapat dijadikan rujukan kepada mereka pada masa akan datang dalam membuat kajian yang seterusnya. Hal ini secara tidak langsung dapat memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya memudahkan mereka untuk membuat penyelidikan.

#### 5. Kepentingan kepada pengkaji

Dengan kajian yang dilakukan, ia telah dapat memberi pengetahuan yang luas kepada pengkaji tentang strategi pengurusan penawaran terhadap produk-produk yang berasaskan buluh dan ia dapat memberi kefahaman yang baik kepada pengkaji dalam melakukan penyelidikan tentang tajuk yang dikaji.

### **1.7 LIMITASI KAJIAN**

Limitasi kajian merupakan kekangan atau halangan yang dihadapi oleh pengkaji ketika menjalankan penyelidikan ini. Antara limitasi yang dihadapi oleh pengkaji adalah sukar untuk mendapatkan bahan bacaan atau jurnal yang bersesuaian berkaitan dengan tajuk yang dikaji untuk dijadikan rujukan.

## **1.8 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, strategi pengurusan penawaran sesuatu produk atau barang dapat menyumbang kepada faedah dan potensi penawaran sesuatu barang dalam memenuhi kehendak pelanggan. Permintaan terhadap produk berasaskan rotan masih lagi mendapat sambutan yang tinggi dari dalam dan luar negara namun disebabkan penawaran amatlah terhad menyebabkan pengeluar tidak dapat memenuhi kehendak atau permintaan pelanggan terhadap produk yang dikeluarkan. strategi pengurusan penawaran perlu dilakukan dengan sebaik mungkin oleh pengeluar produk terutama produk yang mendapat permintaan yang tinggi seperti perabot rotan.

## **BAB 2**

### **2.0 SOROTAN KESUSASTERAAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Sorotan kesusasteraan merupakan pengumpulan idea-idea dari pengkaji lain yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian pengkaji dalam membuat penyelidikan. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan beberapa sumber lepas seperti buku, jurnal, artikel dan lain-lain untuk dijadikan rujukan dalam mengkaji perkara yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih bagi tujuan membuat perbandingan disamping mencetuskan idea baru untuk pengkaji menjalankan penyelidikan. Melalui sumber-sumber ini, ia telah membantu pengkaji dalam mengembangkan idea dengan lebih baik.

Oleh hal demikian, pengkaji akan menjalankan penyelidikan tentang kajian sama ada ia mempunyai persamaan dari segi tajuk dari pengkaji-pengkaji yang lepas ataupun berbeza. Dengan adanya sorotan kesusasteraan ini, ia dapat membantu pengkaji dalam merangka konsep kerja yang akan dijalankan di dalam kajian.

Sorotan kesusasteraan ini telah dapat membantu pengkaji dalam membuat perbandingan dengan tajuk pengkaji yang lepas dan dapat memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan. Sumber yang dirujuk adalah berkaitan dengan tajuk pengkaji iaitu strategi pengurusan penawaran seni pembuatan perabot rotan milik Syarikat Zakaria di Gelang Mas, Kelantan.

## **2.2 NEGERI KELANTAN**

Negeri Kelantan merupakan salah satu negeri yang keluasan negeri Kelantan pula adalah 15,104.62 km<sup>2</sup> dan terletak di Timur Semenanjung Malaysia yang berhadapan dengan Laut China Selatan serta bersempadan dengan Negara Thailand. Negeri ini merupakan negeri yang dikatakan negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga dimana ia merupakan negeri Che Siti Wan Kembang. Negeri Kelantan negeri yang mempunyai 10 jajahan atau daerah iaitu Kota Baharu, Tumpat, Pasir Mas, Kuala Krai, Machang, Pasir Puteh, Bachok, Gua Musang, Jeli dan Tanah Merah. Ibu negeri bagi negeri Kelantan adalah Kota Bharu sebagai sebagai Bandar Diraja. Jumlah penduduk di negeri Kelantan pada tahun 2010 adalah seramai 1,670,500 orang.

Keluasan negeri Kelantan pula adalah 15,104.62 km<sup>2</sup> dan terletak di Timur

Kelantan merupakan negeri yang menawarkan pelbagai destinasi yang menarik sebagai destinasi pelancongan dan salah satunya adalah Perkampungan Kraf Tangan dan Muzium Kraf. Selain itu adalah Kelantan menjadi destinasi pelancongan yang menarik seperti Pantai Cahaya Bulan, Pantai Seri Tujuh, Pantai Bisikan Bayu, Pantai Irama, Pusat Batik/Songket, Kilang Batik, Bazar Buluh Kubu, Perkampungan Nelayan, Muzium Negeri, Muzium Perang, Kraftangan Perak Kelantan, Muzium Diraja, Jeram Linang, Jeram Pasu dan lain-lain.

Kekayaan seni budaya dan warisan negeri Kelantan ini telah mempengaruhi kehidupan rakyatnya terutama dari segi perniagaan yang mampu membantu mereka dalam mendapatkan pendapatan untuk menampung kehidupan sehari-hari.